

Guna satelit, sensor inframerah kawal populasi harimau belang

KUALA LUMPUR – Penggunaan sistem satelit dan sensor inframerah boleh digu-

nakan untuk membantu mengawal kelangsungan populasi harimau belang.

Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, Dr. Tengku Rinalfi Putra Tengku Azizan berkata, penggunaan sensor inframerah yang dapat menembusi ketebalan dan kanopi hutan yang tinggi dapat mengesan pergerakan haiwan liar termasuk harimau.

“Sensor itu juga berkeupayaan untuk membuat pemantauan dengan menghantar gambar yang kemudiannya dipindahkan ke satelit bagi proses dokumentasi.



KERATAN Kosmo! 7 Februari 2016.

“Pesawat tanpa pemandu digunakan di kawasan hutan tebal bagi meningkatkan penguatkuasaan terhadap pemburu hidupan liar yang haram secara lebih efektif,”

katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Satu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara

(Perhilitan), Abdul Kadir Abu Hashim memberitahu, kajian pihaknya pada dua tahun lalu mendapati, sebanyak 250 hingga 340 ekor harimau belang berada di tiga kawasan utama di Malaysia iaitu di Hutan Tropika Belum-Temengor, Perak; Taman Negara, Pahang dan Hutan Tropika Endau-Rompin, Johor.

Pada 6 Februari lalu, seekor harimau belang betina seberat lebih 100 kilogram mati dilanggar sebuah kenderaan di Lebuh Raya Pantai Timur 2 berhampiran susur keluar Plaza Tol Kerteh, Terengganu kira-kira pukul 1 pagi.